

26/02/1998

Kegawatan ekonomi: DHL tumpu sektor eksport

Kadir Dikoh

KEGAWATAN ekonomi serantau dijangka memberi kesan positif kepada syarikat perkhidmatan penghantaran antarabangsa, DHL Worldwide Express (DHL), kerana kejatuhan mata wang Asean mendorong kepada pertumbuhan sektor eksport.

Ketua Eksekutif DHL bagi rantau Asia Pasifik/Asia Barat, Charles Longley, berkata dalam keadaan itu pihaknya menjangka peningkatan sektor eksport ke luar rantau ini terutama ke Amerika Syarikat dan Eropah.

"Ini adalah satu petanda positif kepada DHL dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang. Jawapan kepada persoalan itu adalah eskport dan kami akan merebut peluang ini.

"Negara-negara yang terbabit oleh krisis kewangan sekarang (Asean) mahu menggandakan eskport. Malah, perniagaan DHL di Thailand dan Korea Selatan misalnya sudah menampakkan peningkatan.

"Saya rasa aliran itu akan berkembang ke Malaysia dalam tempoh terdekat ini. Eksport adalah sektor utama yang akan membantu negara seperti Thailand, Malaysia dan Indonesia untuk membebaskan diri daripada belunggu ekonomi sekarang," katanya di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Katanya, rantau Asia Pasifik yang meliputi 52 negara, menyumbang kira-kira satu pertiga daripada pendapatan DHL yang keseluruhannya meraih di antara AS\$3 bilion hingga AS\$5 bilion setahun.

Sementara itu, Pengarah DHL bagi rantau Asean, Bryan Jamison, berkata potensi pasaran perkhidmatannya, biarpun Malaysia mengalami kelembapan ekonomi kebelakangan ini, amat cerah.

"Kami akan melabur lebih daripada RM100 juta tahun ini untuk meluaskan perkhidmatan tempatan kami dan jumlah ini tidak termasuk pelaburan untuk kemudahan teknologi serantau terbaru ini," katanya.

Minggu lalu, DHL membuka pusat teknologi maklumat (IT) serantaunya yang baru bertempat di IOI Puchong Mall di Selangor. Pusat berharga RM80 juta itu adalah penggabungan organisasi IT serantau DHL di Singapura, Hong Kong dan Bahrain.

Pengarah IT DHL, Stephen McGuckin pula berkata pusat itu juga akan menjadi pangkalan bagi pasukan penyelidikan dan pembangunannya membina penyelesaian yang akan disesuaikan dengan persekitaran Asia.

DHL kini mempunyai lima pintu keluar-masuk antarabangsa iaitu Subang, Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuching and Kota Kinabalu di samping satu rangkaian menyeluruh 28 pusat servis dan ekspres di seluruh negara.

Baru-baru ini juga DHL membuka sebuah pusat servisnya di Pelabuhan Klang, dan akan memindahkan pusat servisnya di Ipoh dan Pulau Pinang juga ibu pejabatnya dari Petaling Jaya ke sebuah lokasi baru di Lembah Klang.

Bagaimanapun, Jamison berkata pelaburan penting DHL dalam tahun 1998 ialah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang baru di Sepang, yang mana ia akan mempunyai kemudahan kargo terbesar dengan keluasan kira-kira 50,000 kaki persegi yang dianggarkan bernilai RM25 juta.

"Kami amat gembira dengan manfaat yang ditawarkan oleh KLIA kepada pelanggan DHL, terutama jika kerajaan Malaysia menetapkan taraf lapangan terbang itu kepada "zon perdagangan bebas" seperti yang dicadangkan," katanya.

Ditanya mengapa DHL memilih Malaysia sebagai pusat IT serantaunya yang baru selepas San Francisco dan London, Longley berkata adalah tepat pada masanya Malaysia dipilih ketika DHL sedang meninjau tapak untuk pusat

ITnya di rantau ini.

Katanya, pada masa yang sama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengumumkan projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

McGurkin pula menambah "Jaminan dan iltizam kerajaan untuk memperkenalkan undang-undang siber akan menghasilkan persekitaran yang dikehendaki untuk membina sistem kami dan cara perniagaan kami, untuk memenuhi pelbagai kehendak pelanggan kami di abad yang baharu."

DHL menerima status syarikat MSC dan ia juga adalah ahli Panel Penasihat Antarabangsa untuk MSC. Syarikat itu mempunyai pelan jangka panjang untuk menempatkan pusat ITnya di Cyberjaya pada masa akan datang. maklumat...bilik komputer untuk rangkaian serantau di Pusat IT DHL di Puchong, Selangor.

(END)